

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

HZZ 314/401 - Teori Dalam Etnomuzikologi

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LIMA (5) SOALAN DI DALAM SATU (1) HALAMAN.

Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

SEMUA soalan membawa markah yang sama.

1. Mengikut Smith dan Jameson, oleh kerana kewujudan media massa baru (seperti televisyen satelit, internet, video, kaset), teknologi moden, lawatan orang ramai ke negara luar dan aliran modal secara global, sejenis budaya global telah wujud di Malaysia. Bincangkan ciri-ciri budaya global yang terdapat di Malaysia. Jelaskan dengan contoh-contoh.
2. Sistem klasifikasi alat-alat muzik merupakan satu aspek organologi. Bincangkan sistem klasifikasi alat-alat muzik lima negara yang berlainan. Bandingkan sistem klasifikasi tersebut dari segi kategori-kategori yang digunakan, asas atau kriteria sistem klasifikasi dan konteks budaya sistem.
3. Anthony Seeger dan Alan Merriam telah mengemukakan dua pendekatan berlainan untuk mengkaji muzik dan kebudayaan sesuatu masyarakat. Bandingkan dua pendekatan tersebut. Berikan contoh-contoh untuk setiap pendekatan.
4. Struktur muzik sesuatu masyarakat boleh dihubungkaitkan dengan tingkah laku, organisasi dan nilai-nilai masyarakat itu. Bincangkan kajian Feld dan Roseman yang mengkaji perkaitan aspek-aspek budaya dan muzik di kalangan kaum Kaluli Papua New Guinea dan kaum Temiar Malaysia masing-masing.
5. Muzik merupakan satu elemen budaya yang sangat stabil. Walau bagaimanapun semua muzik berubah dalam masa. Bincangkan tiga kaedah yang berlainan yang digunakan oleh para etnomusikologis untuk mengkaji perubahan dalam muzik. Jelaskan dengan contoh-contoh.